

## Bab 3

---

### **Prinsip Berinteraksi Dengan *Non-Muslim* Di Malaysia**

*Mohd Lukman Daud & Asfaridzuan Abdullah*

#### **Pengenalan**

Islam merupakan agama yang lengkap serta ajarannya merangkumi segala aspek kehidupan. Ia terangkum dalam soal akidah, syariat dan juga akhlak. Dalam perkara yang berkaitan akhlak, Islam bukan hanya menggesa kepada umatnya agar berbuat baik sesama muslim sahaja, bahkan juga kepada golongan *non-muslim* selagi mereka tidak memerangi umat Islam. Kewujudan kepelbagaian etnik di atas muka bumi ini juga diiktiraf oleh agama Islam kerana ia merupakan lumrah dan juga fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Kepelbagaian etnik ini adalah bukan untuk mencari konflik antara satu puak, kaum atau kabilah, tetapi kepelbagaian etnik ini adalah supaya setiap manusia saling kenal-mengenali antara satu sama lain.

Secara dasarnya, Islam menyatakan secara tegas bahawa ianya adalah satu-satu agama yang benar serta direhui oleh Allah S.W.T. Mereka yang menerima Islam maka ia digelar sebagai muslim, manakala mereka yang menolak Islam pula ia digelar sebagai kafir (*non-muslim*). Islam juga menerima sebahagian realiti kehidupan dengan kewujudan agama-agama lain yang menjadi anutan manusia yang belum mendapat hidayah Islam.

Di dalam perbincangan ini, kita akan melihat tentang hak-hak dan kedudukan *non-muslim* di Malaysia. Hak dan kedudukan *non-muslim* akan dibincang dari dua aspek iaitu dari aspek Perlembagaan Malaysia dan juga dari sudut syarak. Selain itu juga, di dalam bab ini akan dibincangkan tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh golongan *non-muslim* di Malaysia. Dalam masa yang sama, turut dibicangkan tentang beberapa prinsip-prinsip berinteraksi dengan *non-muslim* di Malaysia beserta dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah.

Perbincangan di dalam topik ini amat penting bagi umat Islam dan juga bagi golongan *non-muslim* supaya keharmonian dan perpaduan antara

kaum dapat dijaga bagi menjaga kedaulatan dan hubungan antara kaum di Malaysia.

## **Prinsip Berinteraksi Dengan *Non-Muslim* Di Malaysia**

Islam menggesa penganutnya supaya berinteraksi dengan *non-muslim* secara adil dan mengikut secara keseluruhan seperti apa yang terkandung di dalam al-Quran. Konsep interaksi ini dapat dilihat menerusi amalan galakan memberi ucapan salam sesama muslim sama ada yang dikenali atau tidak dikenali seperti sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Islam yang baik itu adalah dengan engkau memberi makan dan mengucapkan salam terhadap orang yang engkau kenali atau yang tidak engkau kenali” (Muslim t.th., 22).

Interaksi sesama individu dengan cara yang baik akan membawa kepada kerjasama yang baik dan juga persepsi yang positif dalam usaha untuk mengajak dan mendekatkan golongan *non-muslim* kepada pemahaman terhadap Islam. Pendekatan dakwah menerusi interaksi amat jelas dinyatakan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebijakan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah daripada yang munkar, merekalah orang-orang yang beruntung (al-Quran, Ali Imran 3:104).

Antara prinsip berinteraksi dengan *non-muslim* sepertimana yang dianjurkan dalam Islam ialah:

### **1. Rahmat Untuk Semua Manusia**

Di antara rahmat Islam adalah kerana kedudukannya sebagai pelengkap kepada tanggungjawab manusia sebagai khalifah di atas muka bumi. Ia diturunkan oleh Allah S.W.T. sebagai penyempurna kepada agama-agama sebelumnya. Ia merupakan *ad-Din* yang suka akan kedamaian dan memberi segala kebaikan di atas segala permasalahan yang berlaku di atas muka bumi.

Konsep *rahmatan lil<sup>c</sup>alamin* membawa kepada suatu anjakan positif yang menyeluruh merangkumi rahmat bagi orang Islam dan juga bagi *non-muslim*. Ayat al-Quran yang sering digunakan sebagai landasan untuk menyebut Islam sebagai *rahmatan lil<sup>c</sup>alamin* adalah Surat al-

Anbiya' ayat 107 yang bermaksud "Kami tidak mengutus engkau, wahai Muhammad, melainkan *rahmatan lil 'alamin* (sebagai rahmat bagi seluruh manusia)". Ibnu al-Qayyim al-Jauziah (1997) menafsirkan ayat ini sebagai berikut: "Pendapat yang lebih benar dalam menafsirkan ayat ini adalah bahwa rahmat di sini bersifat umum. Ia membawa erti bahawa alam semesta menerima manfaat dengan diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. Bagi orang yang beriman, maka ia akan meraih kebahagian di dunia dan di akhirat. Manakala bagi *non-muslim* yang memerangi Nabi Muhammad s.a.w., maka disegerakan pembunuhan dan maut bagi mereka kerana ia lebih baik bagi mereka. Bagi *non-muslim* yang terikat perjanjian dengan orang Islam, manfaat bagi mereka adalah dibiarkan hidup didunia dalam perlindungan dan perjanjian.

Perkara-perkara yang menyimpang daripada konsep *rahmatan lil 'alami* seperti membenci golongan *non-muslim*, berlaku kasar terhadap mereka serta melakukan apa-apa perkara yang boleh menyinggung perasaan dan hati mereka perlu dijauhi supaya konsep *rahmatan lil 'alami* dapat tersebar kepada golongan sasar dakwah.

## 2. Toleransi Dalam Beragama

Islam merupakan agama yang cukup bertoleransi sama ada pada penganutnya sendiri atau selain daripada itu. Sifat toleransi Islam itu dapat dilihat dalam hal urusan agama itu sendiri yang mana Islam tidak pernah sama sekali menggesa muslim untuk memaksa *non-muslim* untuk memeluk Islam. Walau bagaimanapun usaha dakwah dan menyampaikan risalah Islam itu perlu dilakukan secara berterusan agar golongan Sasaran dapat menerima risalah seruan dakwah itu dengan berlapang dada.

Konsep toleransi Islam membawa kepada kesyumulan dakwah Islam dan perlaksanaannya harus didasari sikap berlapang dada terhadap orang lain dengan memerhati prinsip yang dipegang sendiri tanpa mengorbankan prinsip tersebut. Al-Quran tidak hanya mengharapkan tetapi juga menerima perbezaan pandangan, keragaman dan kepelbagaiannya dalam masyarakat. Ini dijelaskan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Wahai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal (al-Quran, al-Hujurat 49:13).

Manifestasi pelaksanaan sikap toleransi ini ditonjolkan oleh para sahabat dan juga taabi'in dalam urusan muamalat dengan *non-muslim*. (al-Qaradawi 1996). Dinyatakan bahawa Saidina Umar r.a. pernah menyuruh supaya diberikan sebahagian harta baitulmal kepada golongan Yahudi yang miskin, lalu beliau membaca ayat al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin (al-Quran, al-Taubah 9:60)

Di dalam sebuah hadis daripada Abdullah Bin Amr yang telah menyembelih seekor kambing kepada ahli keluarganya, lalu beliau berkata: Adakah kamu telah menghadiahkan daging tersebut kepada jiran kita yang beragama Yahudi? Beliau berkata bahawa aku mendengar Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِّي بِالْجَارِ حَتَّىٰ ظَنِّتُ أَنَّهُ سَيُورِثُهُ

Maksudnya:

Jibril a.s. sentiasa mewasiatkan kepadaku (agar berbuat baik) kepada jiran sehingga aku menyangka agar menjadikan mereka sebagai pewaris.

### 3. Tidak Membawa Kepada Masalah *Khilafiyah*

Di antara penyakit yang melanda sebahagian umat Islam pada masakini adalah mereka banyak berselisih tentang masalah khilafiah. Mereka merasa takjub dengan pendapatnya sendiri, buruk sangka terhadap orang lain dan cepat menuduh sesuatu terhadap orang lain tanpa bukti yang jelas, taksub kepada pendapat-pendapat mazhab, kumpulan tertentu dan seseorang pemimpin.

Dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk sama ada Muslim atau *non-muslim* sudah semestinya memerlukan kepada kefahaman yang jelas dalam memahami garis panduan yang disediakan oleh syarak terhadap orang Islam dalam berinteraksi dengan *non-muslim* bagi meredakan keadaan yang tidak diingini. Isu-isu yang berkaitan dengan fiqh *non-muslim* seperti isu daging babi, menyentuh anjing tanpa samak, isu berkaitan arak dan perebutan jenazah harus diselesaikan mengikut timbangan syarak yang bersesuaian dengan konteks realiti di Malaysia

tanpa tersasar daripada landasan al-Quran dan al-Sunnah (Mohammad Nidzam Abd.Kadir 2009).

Islam di Malaysia pula daripada aspek sejarah telah disebar dan dianuti oleh masyarakatnya melalui pengajaran berdasarkan mazhab Syafie. Sikap taksub dan fanatik kepada mazhab perlu dijauhi kerana setiap daripada aliran pemikiran Imam empat mazhab adalah berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Perbezaan ini adalah disebabkan kerana perbezaan mereka dalam memahami setiap nas. Dalam berinteraksi dengan *non-muslim*, adalah tidak wajar sekiranya fahaman satu mazhab sahaja diketengahkan. Kadang-kadang ada tafsiran dan kefahaman sesuatu mazhab itu agak sempit dan ketat yang menyebabkan *non-muslim* melihat Islam sebagai suatu agama yang menyusahkan.

#### 4. Menunjukkan Tauladan Yang Baik

Contoh dan tauladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. merangkumi segala aspek kehidupan manusia baik kepada Muslim mahupun kepada *non-muslim*. Di dalam dakwah dan tarbiyah contoh teladan adalah wasilah yang paling berkesan dan paling hampir kepada kejayaan. Prinsip Islam menekankan ketaatan *da'i* lebih dahulu sebelum *mad'ū*. Dalam pada itu, Islam juga menyeru penganutnya supaya baik dalam urusan muamalah bersama masyarakat *non-muslim*. Ini seperti mana yang dinyatakan dalam al-Quran. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim di antara mereka (al-Quran, al-Ankabut 29:46).

Al-Tabari (1994) menyatakan bahawa maksud "Melainkan dengan cara yang baik" membawa maksud supaya berdebat dengan mereka dengan kata-kata yang baik dan menyeru kepada Allah S.W.T. dengan ayat-ayat-Nya serta peringatan. Contoh paling jelas dalam mengambil *qudwah* daripada peribadi Rasulullah s.a.w. ialah melalui akhlak baginda sebelum diutuskan. Kebanyakan Quraish sudah pun mengenali baginda sebagai benar lagi jujur (*al-amin*) sejak belum menerima risalah dan kaumnya tidak pernah melihat baginda berdusta. Aisyah r.a menyaksikan sendiri akhlak Nabi yang merupakan orang yang paling dekat dengan baginda dan orang yang berada di dalam rumah baginda pernah menyifatkan nabi s.a.w. sebagai; "Akhlak baginda adalah al-Quran". "Nabi saw adalah al-Qu'ran yang berjalan di muka bumi".

## 5. Hormati Nilai Kemanusiaan

Nilai kemanusiaan dalam Islam adalah merupakan ajaran asas dalam muamalat yang menjelaskan hubungan antara manusia. Maksud kemanusiaan itu sendiri membawa erti kepada kepedulian, aktiviti sosial yang saling bantu membantu dan bekerja sama. Islam menganjurkan kepada umatnya supaya sentiasa melakukan amalan yang baik kepada orang lain. Ini sepetimana yang dinyatakan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) dunia ni dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan (al-Quran, al-Qasas 28:77).

Di dalam ayat ini Allah S.W.T. menggesa kepada umat Islam supaya sentiasa melakukan kebaikan kepada orang lain (setiap makhluk) dan dalam masa yang sama Allah S.W.T. memberi contoh atas kebaikanNya kepada manusia. Umat Islam diperintahkan untuk mewujudkan *qimah insaniyyah* (nilai kemanusiaan) dalam setiap interaksi samada sesama muslim atau kepada golongan *non-muslim*. Bahkan dalam perperangan sekalipun Islam menunjukkan kemuliaan ajarannya dengan menjunjung tinggi nilai kemanusiaan. Seperti contoh dalam peristiwa perperangan badar, Rasulullah s.a.w. memerintahkan kepada sahabat supaya mengkebumikan kafir Quraisy yang telah terbunuh dan juga merawat dan mengubati mereka yang tercedera (al-Bouti 1991).

Demikianlah dijelaskan beberapa prinsip asas interaksi Muslim bersama *non-muslim* dalam konteks di Malaysia seperti yang dianjurkan dalam Islam. Sikap berlapang dada dan menerima perbezaan pandangan serta tidak taksub amat penting dalam menyakinkan golongan tersebut akan keindahan ajaran Islam.

## Kesimpulan

Golongan *non-muslim* menikmati segala hak-hak asasi dan juga keperluan asas dalam sesebuah negara Islam. Kehidupan masyarakat Muslim dan *non-muslim* juga diasaskan atas dasar keadilan, kasih sayang dan rahmat.

Kedatangan Islam adalah untuk menyempurnakan dan memperbetulkan sistem kepercayaan masyarakat serta membebaskan mereka daripada pemikiran yang diwarisi sejak turun-temurun.

Inilah keindahan Islam yang bukan sahaja mentadbir kehidupan orang Islam bahkan juga mentadbir seluruh manusia dan alam. Dalam masa yang sama golongan *non-muslim* juga seharusnya menghormati jaminan kebebasan yang diberikan oleh pemerintah Islam dengan tidak mengambil kesempatan dan peluang yang boleh mencetuskan salah anggap dan persepsi yang tidak baik kepada mereka. Perkara-perkara yang boleh mengguris hati dan juga perasaan umat Islam haruslah dijauhi bagi menjamin keamanan dan kestabilan sosial.

## Rujukan

- Abd Ghafar Hj. Don. 2009. Dakwah Non Muslim: Konsep Dan Tuntutan. Dlm. Abdul Ghafar Hj. Don, Zulkiple Abd.Ghani (Pnyt). *Dakwah Kepada Non Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode Dan Pengalaman*, Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Aziz Bari. 2000. Kebebasan Dan Hak Asasi Di Bawah Perlembagaan Persekutuan: Analisis Umum. *Malaysian Jurnal of Law and Society*. Jil.4: 87-108.
- Abdul Rahman Osman. 2016. Kafir Harbi: Mereka salah faham kenyataan saya. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/kafir-harbi-mereka-salah-faham-kenyataan-saya-1.539131>[20 April 2016].
- Abū Zahrah, Muhammad. 1987. *Penyusunan Masyarakat Dalam Islam*. Terj. Osman Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Atikullah Abdullah. 2010. Konsep dan Ciri-Ciri Fiqh Lestari: Kearah Mengarusperdanakan Fiqh dalam Kehidupan Masyarakat. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 3: 507-526.
- al-Ayūd, Hussin Shalih. 2008. *Huqūq Ghair al-Muslimin Fi Bilad al-Islam*. Arab Saudi: Kementerian Hal Ehwal Islam, Wakaf, Dakwah Dan Nasihat.
- <sup>c</sup>Abd.Karim Zaidan. 2011. *Ahkam al-Zimmiyyin Wa al-Mustakminin Fi Dar al-Islam*. Beirüt: Muassasah al-Risalah.
- Ghanusyi, Rasyid. 1992. *Huqūq al-Muwatinah Ghair al-Muslim Fi al-Mujtami' al-Islami*. Virginia, USA: Al-Ma<sup>c</sup>ahad al-<sup>c</sup>Alami Lil al-Fikr al-Islami.
- al-Gharaibah, Rahil Mohd. 2000. *Al-Huqūq Wa Hurriyyat al-Siyasiyyah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*. <sup>c</sup>Urdun: Dar al-Manar.

*RAHMAH LI AL-<sup>c</sup>ALAMIN : DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK  
DI MALAYSIA*

- al-Hayiti, Nubhan. 2012. *Al-Aqalliyat Ghar al-Muslimah Fi Mujtama' Al-Islami*. Makkah al-Mukarramah: Rabitah al-<sup>c</sup>Alami al-Islami.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. 1997. *Ahkam Ahl al-Dhimmah*. Arab Saudi: Rumadi Li al-Nashru.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. 2011. ‘Uruf majmuk: Konsep dan amalannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil.8: 45-64.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2009. *Hak Bukan Islam Menternak Babi Dalam Negara Islam: Satu Tinjauan Berdasarkan Siasah Syariyyah Dan Sejarah Islam*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nizam Abdul Kadir. 2009. Bagaimana berinteraksi dengan non muslim dalam konteks Malaysia. Kertas kerja Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam. Anjuran Persatuan Ulama’ Malaysia Selangor, JAIS & MAIS, 23-24 September.
- al-Qaradawi, Yusof. 1989. *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*. Terj. Mat Saad Abd. Rahman, Shah Alam: Penerbitan HIZBI.
- al-Qaradawi, Yusof. 1992, *Ghair al-Muslimin Fi al-Mujtama<sup>c</sup> al-Islami*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qaradawi, Yūsuf. 1996. *Al-Aqliyyat al-Diniyyah Wa al-Hallu Islami*. al-Qaherah: Maktabah Wahabah.
- Wan Hashim Wan Teh. 2011. *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.